

12 MAR 2000

UMNO TELUK INTAN TURUT CALONKAN TAJOL ROSLI SEBAGAI NAIB PRESIDEN

TELUK INTAN, 12 Mac (Bernama) -- Sebuah lagi Umno bahagian di Perak mencalonkan Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali sebagai seorang daripada calon naib presiden parti bagi pemilihan Mei ini.

Umno bahagian Teluk Intan pada persidangan perwakilannya hari ini mencalonkan Tajol Rosli bergandingan dengan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Abdul Ghani Othman untuk jawatan itu.

Ia turut mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing bagi jawatan presiden dan timbalan presiden.

Sebelum ini Umno bahagian Kampar turut mencalonkan Tajol Rosli bagi jawatan naib presiden walaupun beliau tidak menawarkan diri untuk bertanding jawatan itu.

Ketua bahagian Teluk Intan Che Onn Hamzah ketika ditemui selepas mesyuarat berkata bahagian itu berharap Tajol Rosli akan menerima pencalonan berkenaan.

"Beliau layak bertanding jawatan naib presiden walaupun tak tonjolkan diri," katanya.

Mereka yang dinamakan oleh bahagian itu bagi kerusi Majlis Tertinggi ialah Datuk Mustapa Mohamed, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Datuk Nazri Tan Sri Aziz, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Aziz Shamsuddin, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Suleiman Mohamed, Datuk Wira Mohamed Ali Rustam, Datuk Syed Razak Syed Zain, Datuk Azmi Khalid, Datuk Dr Ibrahim Saad, Datuk Abu Hassan Omar, Datuk Dr Shafie Salleh, Datuk Maznah Hamid, Datuk Ruhanie Ahmad, Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Hassan Ariffin, Datuk Jamaluddin Jarjis, Datuk Dr Kamal Salleh, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Datuk Shahrizat Jalil,* Datuk Salleh Tun Said Keruak, Datuk Osu Sukam dan Haji Abdullah Omar.

-- BERNAMA

TM RON